

# Batu Pahat ungguli Kejohanan Badminton UTHM

iHusn 23/10/2014

**JOHOR BAHRU 22 Okt.** - Pasukan Badminton Batu Pahat muncul juara kategori lelaki dan wanita menewaskan tiga pasukan lain dalam Kejohanan Badminton Jemputan merebut Piala Bendahari Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) 2014, di UTHM baru-baru ini.

Penolong Pegawai Belia dan Sukan Pusat Sukan UTHM, Mohd. Hazrin Abd Rahman berkata, kejohanan tersebut diadakan bersempena Majlis Konvokesyen UTHM kali ke-14 melibatkan pelbagai pihak termasuk penuntut, kakitangan serta masyarakat setempat.

Beliau berkata, objektif pe-

nganjuran kejohanan itu bagi memupuk semangat bersukan dalam kalangan warga universit dan komuniti setempat menerusi sukan.

"Kejohanan ini adalah kali pertama dianjurkan sempena Majlis Konvokesyen UTHM kali ke-14 yang bertujuan untuk memupuk semangat kesukanan dalam kalan g warga UTHM dan masyarakat setempat.

"Alhamdulillah penyertaan amat menggalakkan sama ada daripada penuntut dan pasukan dari pihak komuniti," katanya kepada pemberita baru-baru ini.

Bagi kategori lelaki, tempat kedua dimenangi oleh pasukan

penuntut UTHM, manakala bagi tempat ketiga menjadi milik kakitangan UTHM dan tempat keempat pula dimenangi oleh pasukan dari Kluang.

Sementara itu, bagi kategori wanita pula, tempat kedua diraih pasukan kakitangan UTHM, manakala tempat ketiga menjadi milik penuntut UTHM dan tempat keempat diraih pasukan dari Muar.

Pemenang menerima piala pusingan yang disampaikan oleh bekas jaguh badminton negara, Datuk Misbun Sidek yang juga penerima Anugerah Ijazah Doktor Falsafah Sains Pembangunan Insan pada Majlis Konvokesyen UTHM itu.



**BEKAS jurulatih negara, Misbun Sidek (kanan) meraikan pemenang Kejohanan Badminton Jemputan merebut Piala Bendahari UTHM sempena Konvokesyen UTHM di Batu Pahat, baru-baru ini.**